506

**PEJABAT KESIHATAN PERGIGIAN DAERAH KOTA BHARU**
KLINIK PERGIGIAN KOTA BHARU
JALAN MAHMOOD 15200 KOTA
BHARU, KELANTAN

Telefon : 09-7484084/7476059/7483784
Fax : 09-7484157
Email : kpktbr@moh.gov.my

Ruj Kami : PPPKB/SH/03/2020(2)
Tarikh : 2 Julai 2020

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan,

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA MENAIKTARAF STRUKTUR BUMBUNG DAN PENDAWAIAN SEMULA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KUARTERS KELAS F, KLINIK PERGIGIAN KOTA JEMBAL, KELANTAN (JKR 2616-C & JKR 2616-D).**

Merujuk perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini disertakan sesalinan Kenyataan Tawaran Sebutharga Bagi Kerja-Kerja Menaiktaraf Struktur Bumbung Dan Pendawaian Semula Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kuarters Kelas F, Klinik Pergigian Kota Jembal, Kelantan (JKR 2616-C & JKR 2616-D), untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama daripada pihak tuan untuk mempamerkan Tawaran Sebutharga tersebut di papan-papan kenyataan Jabatan tuan, untuk perhatian kepada yang berminat menyertai sebutharga di atas.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. KAMARIAH BINTI SEMAN)**
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

KPJM
Makluman
Tindakan 05 JUL 2020
Segera
TERIMA

*s.k :*

- *TPKN(G)*
- *Unit ICT JKNK - mohon kerjasama pihak tuan untuk mengiklankan sebutharga di laman web JKN*

*(Sila Catatkan Rujukan Ini Apabila Berhubung)*

**SENARAI EDARAN**

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Hospital,
HRPZ II, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tumpat, Machang, Tanah Merah, Jeli, Sultan Ismail Petra & Gua Musang

Pegawai Kesihatan Daerah,
Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Tumpat, Machang, Tanah Merah, Jeli, Kuala Krai & Gua Musang

Pegawai Kesihatan Pergigian Daerah,
Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Tumpat, Machang, Tanah Merah, Jeli, Kuala Krai & Gua Musang

Pengarah,
Institut Latihan KKM Kubang Kerian & Pasir Mas

**PEJABAT KESIHATAN PERGIGIAN DAERAH KOTA BHARU**
KLINIK PERGIGIAN KOTA BHARU
JALAN MAHMOOD 15200 KOTA
BHARU, KELANTAN

Telefon : 09-7484084/7476059/7483784
Fax : 09-7484157
Email : kpktbr@moh.gov.my

# KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat bumiputera di Negeri Kelantan sahaja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan, Kementerian Kerja Raya Malaysia (BPKU) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang masih sah tempohnya untuk memasuki sebutharga berikut :-

| NO & TAJUK SEBUTHARGA | TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK | KOD BIDANG | TEMPAT & MASA DOKUMEN DIPEROLEHI | TARIKH TUTUP |
|---|---|---|---|---|
| No Sebutharga : **PPPKB/SH/03/2020**<br><br>Kerja-Kerja Menaiktaraf Struktur Bumbung Dan Pendawaian Semula Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kuarters Kelas F, Klinik Pergigian Kota Jembal, Kelantan (JKR 2616-C & JKR 2616-D). | Tarikh : 07 Julai 2020 (Rabu)<br><br>Masa : 10.00 pagi<br><br>Tempat : Kuarters Klinik Pergigian Kota Jembal, Kelantan<br><br>Kehadiran Taklimat / Lawatan Tapak Adalah WAJIB | Status Syarikat : Bumiputera<br><br>Gred : G1<br><br>Kategori : B<br><br>Pengkhususan : B04 – Kerja Am Bangunan<br><br>B28 – Kerja Ubahsuai | **Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kota Bharu**<br><br>Pada waktu pejabat seperti berikut :<br><br>Ahad – Rabu (9.30 pg – 4.00 ptg)<br><br>Khamis (9.30 pg – 1.00 tgh) | 14 Julai 2020 (Selasa)<br><br>Pada Jam 12.00 Tengahari<br><br>Sebutharga Yang Lewat Diterima Tidak Akan Dilayan |

1. Dokumen sebutharga boleh diperolehi selepas lawatan tapak diadakan mulai **07 Julai 2020** dan akan dikeluarkan kepada pemilik lesen yang hadir lawatan sahaja.

2. Syarikat/Kontraktor yang ingin menyertai sebutharga tersebut dikehendaki membawa bersama **SIJIL ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** (berdaftar di dalam kod bidang berkaitan) dan **kad pengenalan** bagi tujuan pengesahan pendaftaran dan lawatan. Sila bawa bersama cop syarikat semasa pendaftaran dan lawatan tapak. **Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri lawatan tapak / taklimat sebutharga. Kontraktor / syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai-pegawai selain daripada penama di dalan PKK dan SPKK.**

../2

3. Semua kontraktor yang hadir lawatan tapak perlu mematuhi Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Penularan COVID-19 di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Manual Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM).

4. Semua dokumen sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan dilakri serta ditulis nombor sebutharga dan tajuk sebutharga di sudut kiri atas sampul surat. Dokumen sebutharga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga seperti alamat di bawah pada atau **14 Julai 2020 (Selasa) jam 12.00 tengahari** :-

**Pegawai Pergigian Daerah Kota Bharu**
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kota Bharu,
Jalan Mahmood,
15200 Kota Bharu,
Kelantan

5. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-manayang dikemukakan melalui pos. Sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

6. Jabatan ini juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi / terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. KAMARIAH BINTI SEMAN)**
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan